

UMP tuan rumah Sukum Ke-43

KUANTAN 15 Ogos - Seramai 2,600 atlet dari 21 kontinjen mewakili universiti awam seluruh negara berkampung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menjayakan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) Ke-43 yang berlangsung selama sembilan hari berakhir Sabtu ini.

Temasya sukan yang berlangsung di UMP kampus Gambang dan Pekan dekat sini itu merupakan acara tahunan bagi staf universiti awam seluruh negara dengan mempertandingkan 17 acara.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malek berkata, Sukum merupakan platform bagi menyatukan semangat perpaduan antara warga staf universiti.

"Sukum merupakan penghubung bagi memartabatkan sukan seiring pendidikan di negara ini menerusi penglibatan para

pegawai dan atlet dalam kontinjen masing-masing.

"Selain bersaing secara sihat dalam lapangan sukan, atlet daripada semua kontinjen juga diharap dapat menghayati semangat kesukanan dan pada masa sama memanfaatkan Sukum sebagai medan perhubungan profesional secara santai," katanya ketika merasmikan Sukum Ke-43 di Kompleks Sukan UMP, Gambang di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pendidikan, Datuk Kamel Mohamad dan hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad serta Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Sementara itu, Dr. Maszlee mahu setiap warga universiti awam mendukung profesiona-

lisme perkhidmatan sebagai penjawat awam dan ahli akademik dengan memberikan sumbangan yang cemerlang kepada institusi, masyarakat dan negara.

"Penggabungan fungsi pendidikan sekolah dan pendidikan tinggi sebagai Kementerian tunggal memerlukan semua pihak bergerak sebagai satu pasukan yang padu berlandaskan prinsip kesatuan pemikiran dan kesatuan tindakan.

"Hal ini termasuk juga pembabitkan para pegawai dan atlet dalam kejohanan ini yang menjadi penanda aras dalam menterjemahkan prinsip seperti yang saya sebutkan," ujarnya.

Tambahnya, menjadi misi setiap kontinjen memburu kejayaan dalam acara disertai dan ini memerlukan strategi tertentu berdasarkan semangat permuafakatan serta kesepakatan setiap ahli pasukan.



KAMEL MOHAMAD (tengah) diiringi **Dr. Daing Nasir Ibrahim** (depan, kiri) beramah mesra dengan peserta Sukum selepas Perasmian Sukum Ke-43 di UMP, Gambang, Kuantan, baru-baru ini. - UTUSAN/MAHATHIR ALI